Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi global meningkat pada kadar yang lebih sederhana pada suku kedua 2019.**
- **Permintaan luaran yang lebih rendah menyebabkan prestasi eksport dalam ekonomi serantau semakin lembap.**
- **Volatiliti pasaran kewangan meningkat berikutan ketegangan perdagangan yang meruncing pada bulan Mei.**

Ekonomi global meningkat sederhana

Ekonomi global meningkat pada kadar yang lebih sederhana pada suku kedua tahun 2019.

Di Amerika Syarikat (AS), pertumbuhan menjadi sederhana pada suku kedua 2019. Pengumuman angka ini disertakan dengan semakan semula data KDNK yang lalu yang menunjukkan pertumbuhan yang lebih kukuh dari tahun 2017 hingga S3 2018, berbanding dengan pertumbuhan yang lebih perlahan pada S4 2018 dan S1 2019. Data ini menunjukkan pertumbuhan memuncak pada 1H 2018, dan telah menjadi perlahan melebihi jangkaan sebelum ini disebabkan terutamanya oleh kegiatan pelaburan yang semakin lembap. Sementara itu, pertumbuhan di kawasan euro menjadi sederhana dengan mencatatkan prestasi pertumbuhan paling rendah sejak suku keempat tahun 2013. Di samping permintaan penggunaan yang lebih rendah, pengeluaran industri kekal dalam keadaan menguncup akibat perdagangan global yang lembap dan kekangan bekalan dalam sektor automotif. Pertumbuhan di UK menjadi sederhana disebabkan terutamanya oleh penggunaan inventori dalam keadaan penggunaan swasta yang mampan.

Aktiviti ekonomi global sederhana pada S2 2019

Rajah 1: Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih



Sumber: Pihak berkuasa negara

Pertumbuhan eksport lebih rendah pada S2 2019

Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Volatiliti pasaran kewangan meningkat

Rajah 3: Indeks Volatiliti (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg

Di Asia, pertumbuhan di RR China terus sederhana memandangkan penggunaan swasta yang semakin lemah hanya dapat diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan dalam pelaburan yang dipacu oleh dasar. Pertumbuhan di negara-negara lain di rantau Asia juga perlahan disebabkan terutamanya oleh permintaan luaran yang bertambah lemah dan pertikaian perdagangan yang berterusan antara AS dengan RR China.

Eksport terus menguncup

Eksport di semua ekonomi Asia menguncup pada suku kedua, menunjukkan permintaan luaran yang lembap dan kesan daripada ketegangan perdagangan yang terus berlaku antara AS dan RR China.

Eksport RR China menurun sebanyak 1.0% pada suku kedua disebabkan terutamanya penghantaran kelengkapan dan peralatan elektronik ke AS yang terus menguncup. Begitu juga, penguncupan eksport merentas ekonomi Asia serantau adalah disebabkan terutamanya oleh kemerosotan eksport dalam kelengkapan dan peralatan elektronik.

Volatiliti pasaran kewangan meningkat

Volatiliti pasaran meningkat pada suku kedua. Hal ini dicetuskan oleh ketegangan perdagangan yang meruncing antara AS dan RR China apabila AS menaikkan tarif ke atas USD200 bilion import dari RR China daripada 10% kepada 25%, dan meletakkan sekatan terhadap Huawei, sebuah syarikat telekomunikasi China.

Walau bagaimanapun, volatiliti pasaran berkurang secara beransur-ansur apabila risiko pertumbuhan yang perlahan meningkat akibat ketegangan perdagangan dan prospek inflasi yang rendah menyebabkan Federal Reserve AS memberi isyarat kemungkinan besar akan berlaku penurunan kadar faedah. Perubahan dalam pendirian dasar ini membantu mengurangkan kebimbangan pasaran secara keseluruhan[1]. Volatiliti pasaran juga terus menurun menjelang akhir suku kedua selepas AS dan RR China bersetuju memulakan semula rundingan perdagangan di Sidang Kemuncak G20 pada akhir bulan Jun.

Harga purata minyak mentah Brent meningkat kepada USD68 setong pada suku kedua 2019 (S1 2019: USD64), didorong terutamanya oleh gangguan bekalan yang semakin teruk di Venezuela dan Iran serta pemotongan pengeluaran secara sukarela yang sedang dilaksanakan oleh OPEC+.

[1] *Federal Open Market Committee* kemudiannya mengurangkan kadar dana persekutuan sebanyak 25 mata asas pada 31 Julai 2019.